

Lulusan Universiti Al-Azhar - Penggerak pentadbiran ugama

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 Mei. - Negara Brunei Darussalam mendapat impak yang besar melalui lulusan Universiti Al-Azhar dalam konteks pembangunan Islam di negara ini.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Haji Awang Haji Abd. Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusoff dalam ucapan alu-aluannya pada Majlis Doa Kesyukuran bersempena Sambutan Hari Al-Azhar Al-Syarif Sedunia di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiyah, Kampung Kiarong, di sini, berkata, perkara itu berdasarkan kepada ilmu dengan panduan kaedah-kaedah yang kukuh berlandaskan kepada Al-Quran dan sunnah yang didukung dengan warisan turath dan kefahaman semasa yang praktikal, dinamik yang maju ke hadapan.

Dato Seri Setia Haji Awang Haji Abd. Aziz yang juga selaku Ra'ies Jawatankuasa Eksekutif Rabithah

Antarabangsa Alumni Universiti Al-Azhar (WAAG) Brunei Darussalam selanjutnya, menyatakan, graduan Al-Azhar adalah menjadi penggerak utama yang mengisi pentadbiran dan perkhidmatan ugama serta mencorak pegangan yang tepat serta penggerak dakwah yang mantap.

Tambahnya, beberapa program dan aktiviti telah dan sedang dirancang berdasarkan keutamaan dan keperluan semasa dan pelaksanaan program-program dirancang itu melibatkan kerjasama erat dengan beberapa institusi pengajian tinggi, terutamanya UNISSA dan KUPU SB.

Hadir di majlis tersebut, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, selaku Penasihat Rabithah Antarabangsa Alumni Universiti Al-Azhar (WAAG) Brunei Darussalam; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mukti bin Haji Mohd. Daud; dan Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar serta pegawai-pegawai kanan kerajaan termasuk lebih 100 Ahli Alumni Universiti Al-Azhar Brunei Darussalam.

Majlis anjuran Rabithah Antarabangsa Alumni Universiti Al-Azhar (WAAG) Brunei Darussalam itu juga diselenggarakan dengan penyampaian sumbangan derma kepada enam orang anak yatim dan ahli keluarga yang memerlukan bantuan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

Majlis juga diarahkan dengan bacaan Tahليل dan Doa Tahليل dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awangku Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Salehuddin yang juga memimpin bacaan Selawat Tafrjiyah.

Terdahulu, bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai diketuai oleh Timbalan Pengetua Akademik Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanil Bolkiyah, Awang Haji Mohd. Sujairi bin Haji Dollah.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, selaku Penasihat Rabithah Antarabangsa Alumni Universiti Al-Azhar (WAAG) Brunei Darussalam (kiri); Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mukti bin Haji Mohd. Daud (dua, kanan); Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned (dua, kiri); dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar (kanan) antara yang hadir pada Majlis Doa Kesyukuran bersempena Sambutan Hari Al-Azhar Al-Syarif Sedunia di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiyah, Kampung Kiarong.

serta pegawai-pegawai kanan kerajaan termasuk lebih 100 Ahli Alumni Universiti Al-Azhar Brunei Darussalam.

Majlis anjuran Rabithah Antarabangsa Alumni Universiti Al-Azhar (WAAG) Brunei Darussalam itu juga diselenggarakan dengan penyampaian sumbangan derma kepada enam orang anak yatim dan ahli keluarga yang memerlukan bantuan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

Majlis juga diarahkan dengan bacaan Tahليل dan Doa Tahليل dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awangku Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Salehuddin yang juga memimpin bacaan Selawat Tafrjiyah.

Terdahulu, bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai diketuai oleh Timbalan Pengetua Akademik Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanil Bolkiyah, Awang Haji Mohd. Sujairi bin Haji Dollah.

Majlis diakhiri dengan Majlis Berbuka Puasa dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Tarikh 7 Ramadan telah diisytiharkan oleh Syaikhul Azhar sebagai 'Hari Al-Azhar Asy-Syarif' dengan satu nas ketetapan sebagai meraikan sejarah penubuhan dan pembukaan rasmi 'al-Jami' al-Azhar yang berlangsung pada 7 Ramadan 361 Hijrah / 971 Masihi (dua tahun selepas peletakan batu asas pembinaan al-Jami' al-Azhar) di Kota al-Kaherah, Mesir.

Hari ini, di bulan Ramadan yang mulia ini genaplah 1079 tahun Hijri Al-Azhar melangkah usianya merentasi lebih sepuluh abad melahirkan cendekiawan-cendekiawan Islam dalam mendidik anak-anak dari serata pelusuk dunia dengan jayanya semenjak ditubuhkan sehingga tersertai menjadi pusat pendidikan tinggi Islam yang tersohor dalam kalangan umat Islam sehinggalah ke hari ini.

Majlis bertujuan untuk meraikan

penubuhan Universiti al-Azhar al-Syarif, di samping menyatupadukan bekas pelajar-pelajar Universiti Al-Azhar di Negara Brunei Darussalam.

Rabithah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Cawangan Brunei Darussalam (WAAG Brunei Darussalam) telah dirasmikan penubuhannya pada 7 Mei 2018 oleh Fadilat Al-Imam Al-Akbar Professor Dr. Ahmed Mohammed Ahmed El-Tayeb, Syaikh Al-Azhar Al-Syarif sewaktu berkunjung ke Negara Brunei Darussalam.

Sehingga kini, bekas pelajar Brunei yang pernah menuntut di universiti berkenaan dianggarkan mencecah 800 orang. Mereka ini telah memberikan sumbangan yang sangat signifikan terhadap pembangunan Islam di Negara Brunei Darussalam dan telah berkhidmat dengan cemerlang serta memegang jawatan-jawatan utama dalam kerajaan dan sektor swasta.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Haji Awang Haji Abd. Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusoff ketika ucapan alu-aluannya pada majlis tersebut.

Tingkat kesedaran kebersihan tangan



PEMANGKU Pentadbir Kanan Hospital, Hospital PIHM Temburong, Dayang Norhidayati binti Awang Haji Lakim hadir selaku tetamu kehormat dan menyerahkan poster enam langkah penyuicuan tangan kepada setiap ketua bahagian dan para peserta bengkel juga menyampaikan hadiah kepada 'The Best Performance in hand washing practical', 'The Best Achievement in written test' dan 'Best Over All Performance in hand washing practical and written test'.

TEMBURONG, Sabtu, 11 Mei. - Bengkel Kempen Kesedaran Kebersihan Tangan yang dikendalikan oleh Hospital

Pengiran Isteri Hajjah Mariam (PIHM), Temburong telah berakhiri hari ini dengan Majlis Penutup yang diadakan di Bilik

Persidangan, Hospital PIHM Temburong.

Dengan tema #TanganBersih Elak Jangkitan, bengkel yang berlangsung pada 4 hingga 9 Mei 2019 itu telah melibatkan semua pegawai dan kakitangan di Hospital PIHM termasuk Bahagian Keselamatan dari Setia Protective Security Services (SPSS); Bahagian Pembersih Swasta (ABMS); dan Bahagian Penyediaan Makanan Pesakit Swasta.

Tenaga pengajar bengkel terdiri daripada Infection Control Link Nurses; Hand Hygiene Committee; dan jururawat-jururawat terlatih dari Hospital PIHM termasuk jururawat pergigian dan jururawat klinik ibu-ibu mengandung dan kanak-kanak.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pentadbir Kanan Hospital, Hospital PIHM Temburong, Dayang Norhidayati binti Awang Haji Lakim.

Bengkel tersebut merupakan kesinambungan daripada Kempen Kesedaran Kebersihan Tangan 2019 yang telah dilancarkan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji

Siaran Akhbar dan Foto :
Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Temburong

Jaafar pada 14 Januari yang lalu di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Ia juga diadakan sempena dengan sambutan Hari Kebersihan Tangan Sedunia yang disambut pada 5 Mei setiap tahun, yang mana tema bagi Hari Kebersihan Tangan Sedunia 2019 adalah "Penjagaan Yang Bersih Untuk Semua - Ia Di Tangan Awda". Antara tujuan bengkel tersebut diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran kepada kakitangan hospital betapa pentingnya menjaga kebersihan tangan dalam mengurangkan risiko jangkitan; meningkatkan keselamatan pematuhan kakitangan hospital terhadap enam langkah penyuicuan tangan (*hand washing*); dan meningkatkan keselamatan dan kualiti pemberian perkhidmatan penjagaan pesakit di dalam hospital.

Sebelum bengkel dijalankan, *hand hygiene committee* telah pun membuat pemantauan dalam mengaudit kebersihan tangan di kalangan kakitangan pegawai dan

kakitangan hospital selama seminggu.

Antara objektif audit kebersihan tangan ini adalah untuk mengenal pasti tahap pematuhan dalam melakukan penyuicuan tangan (*hand washing*) dan mengiktiraf enam langkah yang telah ditetapkan sebelum Bengkel Kempen Kesedaran Kebersihan Tangan dilaksanakan.

Sepanjang bengkel ini, pelbagai aktiviti telah dijalankan termasuk ceramah, demonstrasi enam langkah penyuicuan tangan, ujian bertulis dan ujian pratikal cara penyuicuan tangan.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat juga menyerahkan poster enam langkah penyuicuan tangan kepada setiap ketua bahagian dan para peserta bengkel.

Majlis diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada 'The Best Performance in hand washing practical', 'The Best Achievement in written test' dan 'Best Over All Performance in hand washing practical and written test'.